



KENYATAAN MEDIA

26 Mac 2016

ROYAL A - HEART CHARITY WALK CAPAI KUTIPAN RM30,000

Arau, 26 Mac – Program jalan kaki amal, *Royal A-Heart Charity Night Walk* mendapat sambutan menggalakkan dari lebih 5,000 peserta sekaligus berjaya memungut dana berjumlah RM33,000 untuk Tabung Hub Sumber Pendidikan dan Latihan Autisme (A-HEART) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Program yang dianjurkan oleh Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) dan UniMAP itu turut diserikan dengan keberangkatan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjuran, Prof. Dr. Abdul Hamid Adom berkata, program jalan kaki amal yang dianjurkan bersempena Festival A-HEART UniMAP itu disertai oleh pelajar dan warga UniMAP selain mendapat sokongan dari penjawat awam dan swasta serta pelajar Institusi Pendidikan dan sekolah di seluruh negeri Perlis.

Menurut beliau, Festival A-HEART yang akan berlangsung di Kampus UniMAP Pauh Putra sehingga 27 Mac 2016 ini dianjurkan khusus untuk memperkenalkan A-HEART UniMAP sebagai sebuah organisasi yang menawarkan kemudahan, perkhidmatan dan latihan kepada komuniti yang memerlukan di Perlis dan Wilayah Utara.

Jelas beliau, ianya dianjurkan sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan anak-anak autistik dan pada masa sama adalah untuk meningkatkan keterlibatan masyarakat dalam pembangunan dan perkembangan anak-anak autistik ke arah kesejahteraan masyarakat.

``Meskipun berlangsung pada waktu malam, program ini nyata memberikan satu pengalaman baharu buat para peserta dan ia juga merupakan simbolik sokongan warga Perlis amnya dan UniMAP khasnya dalam menjayakan aktiviti kemasyarakatan.

``Semoga sumbangan yang disalurkan ini dapat membantu merealisasikan hasrat UniMAP untuk membina sebuah pusat bimbingan dan pendidikan khas untuk anak-anak Autism di negeri Perlis," ujar beliau.

Program jalan kaki amal melibatkan jarak sekitar 3 kilometer yang bermula dari Dataran Dewan Ilmu dan melalui Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra.

Selain itu, program tersebut turut diserikan dengan pelbagai pertunjukan sampingan yang bertemakan "Glow In The Dark" antaranya pertunjukan roller blade, pameran kereta audio, perarakan motosikal berkuasa besar serta pertunjukan bunga api.

Program yang turut disertai oleh anak-anak Autistik dari Pusat Kesatuan Kebangsaan Autism Malaysia (NASOM) itu diserikan juga dengan hadiah cabutan bertuah serta pakaian terbaik mengikut tema "Glow In The Dark" yang menawarkan hadiah berupa barang elektrik dan hamper.

Dikeluarkan Oleh :

Aininulniza Mohd Yusof

Pegawai Perhubungan Media UniMAP